

Kementerian keluarkan RM1 juta kepada 21 syarikat francais

UM 7 JUN 2002

JOHOR BAHRU 16 Jun — Kementerian Pembangunan Usahawan mengeluarkan geran sebanyak RM1 juta kepada 21 syarikat francais di negara ini dalam usaha menjadikan sistem francais sebagai satu strategi ke arah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, selain pemberian geran di bawah skim pembangunan francais itu, kementerian turut memberikan pinjaman kepada 84 syarikat francais yang berjumlah RM23 juta.

Menurutnya, bantuan dan pinjaman itu diberikan kepada bumiputera kerana

kerajaan telah menerima sistem francais itu sebagai satu langkah melahirkan masyarakat yang berdaya maju selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional.

"Mengikut kajian, perniagaan francais yang gagal adalah dalam lingkungan lima peratus sahaja berbanding 62.2 peratus bagi perniagaan baru yang bukan berbentuk francais.

"Dalam perniagaan francais, pemilik francais dan francaisor telah mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan dan kemungkinan mengalami kegagalan dapat dikurangkan," katanya ketika berucap merasmikan Restoran Subway di sini hari ini.

Menurut Mohamed Nazri, pembangunan sektor francais di negara ini bermula daripada inspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkan perniagaan itu merupakan satu cabang yang boleh diceburi oleh bumiputera.

Tambahnya, kerajaan serius untuk memastikan sektor francais ini dengan menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan pada 1995 sekaligus menyempurnakan Bahagian Pembangunan Francais Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPP) ke kementerian itu.